a) Terangkan latar belakang Dasar Pembangunan Nasional (DPN) [4m]<br>
b) Huraikan strategi-strategi pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional .[8m]<br>
c) Gambar berkaitan kejayaan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara
</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>
<table>
<tr><td>Perindustrian Berteknologi Tinggi<br></td><td>Kereta Nasional Pertama<br></td></tr>
<tr><td>Sistem pengangkutan moden<br></td><td>Lebuh raya Utara Selatan<br><br></td></tr>
</table>
Jelaskan pencapaian Dasar Pembangunan Nasional dan kesannya kepada rakyat Malaysia.
</td></tr>
<tr><td>5</td><td>PERAK<br>SKEMA</td><td></td><td>
8<br>
a) Jelaskan matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN). [4m]<br>
b) Huraikan langkah kerajaan dalam melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional (DPN). [8m]<br>
c) Teliti maklumat berikut.
<table>
<tr><td>Kebanyakan negara di dunia memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi meningkatkan produktiviti dan memastikan ekonomi negara dapat terus bersaing di peringkat antarabangsa. Namun, Malaysia berada pada fasa kebimbangan yang ketara berikutan kekurangan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi memenuhi permintaan industri. Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) adalah institusi pendidikan berorientasikan kemahiran</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | untuk meningkatkan jumlah modal insan berkemahiran tinggi dengan memberi penekanan terhadap amalan industri. Negara maju seperti Jerman, Korea Selatan dan Singapura menjadikan TVET sebagai tunjang kekuatan sistem pendidikan mereka. Di Jerman, lebih kurang 60 peratus pelajarnya belajar di sekolah vokasional. Di Malaysia, dua institusi TVET awam iaitu Institut Kemahiran Belia dan Negara (IKBN) Dusun Tua dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Lumpur telah ditubuhkan pada 1964 untuk memberi latihan kemahiran kepada belia. Selain itu, negara di seluruh dunia kini menerima kesan pencemaran alam sekitar dan perubahan iklim. Bencana seperti banjir, tanah runtuh dan gempa bumi cukup memberi kesan dahsyat kepada manusia sehingga ramai pakar tidak dapat menjangka dengan tepat bila dan di mana bencana ini akan berlaku. Bagaimanapun, ada dalam kalangan graduan TVET yang kurang memiliki kemahiran hijau yang diperlukan oleh industri.<br>Jelaskan cabaran yang dihadapi negara dan bagaimanakah cara untuk menangani cabaran tersebut? [8m] |
| 6 | KELANTAN SKEMA | | 8. Maklumat berikut berkaitan dengan DPN yang dilaksanakan selepas DEB di Malaysia.<br><br>**Strategi DPN**<br>- Sosial<br>- Ekonomi<br>- Kemudahan Fizikal dan Alam Sekitar<br><br>a) Jelaskan usaha untuk mencapai strategi tersebut. [4m]<br>b) Pelaksanaan DEB dan DPN telah membawa kemajuan kepada penduduk. Buktikan pernyataan tersebut.[8m]<br>c) Teliti poster berikut |

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>

Huraikan maklumat dalam poster tersebut.[8m]</td></tr>
<tr><td>7</td><td>KEDAH<br>SKEMA</td><td>4. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan.<br>a) Apakah pengertian bahasa rasmi?[2m]<br>b) Jelaskan usaha kerajaan dalam memartabatkan bahasa kebangsaan.[4m]<br>c) Baca pernyataan berikut.<br><br>Malaysia menjadi negara pengguna sains dan teknologi terbesar dunia, kita terpaksa menggunakan bahasa Inggeris dalam urusan ekonomi dan perniagaan global<br><br>Huraikan pernyataan tersebut. [4m]</td><td></td></tr>
<tr><td>8</td><td>N9<br>skema</td><td></td><td>8. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) telah dilancarkan oleh Y.A.B. Dato’ Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 17 Jun 1991.<br>a) Jelaskan strategi DPN.[4m]<br>b) Bagaimanakah DPN dilaksanakan.[8m]<br>c) Baca maklumat dalam petikan berikut.<br><br>Kerajaan akan mempelbagai struktur dan aktiviti ekonomi negara, terutama melalui penekanan terhadap sektor-sektor yang menumpukan aspek-aspek kelestarian dan ESG (alam sekitar, sosial dan tadbir urus) serta ekonomi digital.<br>“Kesemua ini akan mewujudkan peluang pekerjaan yang bakal menawarkan gaji lebih tinggi kepada rakyat,” katanya.</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | Tengku Zafrul berkata, perkara yang penting pada masa ini adalah sistem kewangan negara dan pasaran saham terus berfungsi dengan baik dan teratur. Sehingga kini tiada gangguan dari segi kewangan dan aktiviti pinjaman kekal lancar.<br>Beliau berkata, aktiviti perniagaan juga terus mendapat pembiayaan kewangan daripada institusi perbankan dan pasaran modal. Selain itu, pasaran saham terus menunjukkan aliran masuk bersih berjumlah RM6.7 bilion daripada pelabur asing dan RM2.3 bilion daripada pelabur runcit.<br>Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan peranan rakyat untuk membangunkan negara.[8m] |
| 9 | SBP<br>SKEMA | 8. Poster berikut berkaitan kempen bahasa kebangsaan.<br><br><br>a) Jelaskan mesej yang terkandung dalam poster tersebut. [6m]<br>b) Terangkan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usaha memartabatkan bahasa kebangsaan. [6m]<br>c) Mengapakah kita perlu memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan?[8m] | |
| 10 | MELAKA<br>SKEMA | | 4. Maklumat berikut berkaitan dasar ekonomi yang dilaksanakan di negara kita.<br>a) Nyatakan matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN).[2m]<br>b) Jelaskan strategi DPN dalam aspek:<br>i) Ekonomi [2m]<br>ii) Sosial [2m]<br>c) Jelaskan peranan rakyat dalam pembangunan ekonomi negara.[4m] |
| 11 | P.PINANG<br>SKEMA | | 8. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia Keempat pada 17 Jun 1991.<br>a) Terangkan strategi pelaksanaan DPN di negara kita.[6m]<br>b) Huraikan usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | semula masyarakat dalam pelaksanaan DPN? [6m]<br>c) Teliti maklumat berikut.<br><br>Perpaduan negara akan terus menjadi matlamat terakhir DPN kerana masyarakat yang bersatupadu adalah penting untuk memperkukuhkan lagi kestabilan sosial dan politik dan mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan. DPN menetapkan satu langkah ke arah membolehkan Malaysia mencapai taraf sebuah negara yang maju dalam semua segi iaitu dari segi keadilan sosial, nilai, etika dan moral, kestabilan politik, kualiti hidup, kecekapan pentadbiran kerajaan, dan kecemerlangan ekonomi.<br><br>Pendekatan yang lebih terpilih akan dibuat dengan mengambil kira keperluan untuk mencapai hasil yang berkualiti dan berkekalan. Dalam proses menghapuskan kemiskinan di kalangan golongan termiskin dan juga mengurangkan ketidakseimbangan, penekanan akan diberikan kepada aspek-aspek pendidikan dan latihan sebelum bantuan diberikan;<br><br>DPN telah mengambilkira kemampuan negara untuk bersaing dengan lebih terdaya dalam pasaran antarabangsa di samping menghadapi cabaran baru. Di dalam menghadapi persaingan antarabangsa, Malaysia perlu meningkatkan daya tarikan kepada pelabur dan pengusaha supaya dapat memperluaskan urusan mereka di negara ini.<br><br>Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut dan cadangkan langkah memajukan Malaysia. [8m] |
| 12 | PUTRAJAYA SKEMA | 4. Petikan berikut adalah ucapan semasa perasmian Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971.<br><br>“Kita mesti menggubal satu identiti bangsa Malaysia dengan mengambil kira semua kaum dan agama. Saya menegaskan bahawa sudah sampai ketikanya bagi kita menentukan identiti dan keperibadian kebangsaan sebagai satu bangsa yang mempunyai maruah dan martabat sebagai bangsa-bangsa lain yang merdeka dan berdaulat di dunia ini’<br><br>a) Nyatakan tiga prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan.[3m]<br>b) Mengapakah Dasar Kebudayaan Kebangsaan diperkenalkan?[3m]<br>c) Bagaimanakah Dasar Kebudayaan Kebangsaan mampu memperkukuh keselamatan negara?[4m] | 8. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) meneruskan usaha Dasar Ekonomi Baru(DEB) yang berakhir pada tahun 1990.<br>a) Jelaskan matlamat Dasar Pembangunan Negara (DPN). [4m]<br>b) Bagaimanakah DPN dilaksanakan di negara kita? [8m]<br>c) Apakah kesan sekiranya kerajaan tidak melaksanakan DPN di negara kita?[8m] |
| 13 | BINTULU<br><br>SKEMA | | 8. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang dirangka untuk tempoh 10 tahun (1991-2000) telah membawa perubahan kepada kemajuan ekonomi serta taraf hidup penduduk.<br>a) Apakah strategi yang dilaksanakan dalam Dasar Pembangunan Nasional? [6m]<br>b) Huraikan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional.[6m] |

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>c) Kemajuan sesebuah negara banyak bergantung kepada kemajuan ekonominya, Buktikan. [8m]</td></tr>
<tr><td>14</td><td>SEL 1<br>SKEMA<br>SEL<br>SET 1</td><td>4. Perkara 1 2 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 memperuntukkan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.<br>a) Nyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan. [3m]<br>b) Bagaimanakah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) memainkan peranan meningkatkan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu. [3m]<br>c) Teliti lirik lagu “Bahasa Jiwa Bangsa” berikut.<br><br>Gunakanlah bahasa kebangsaan kita.<br>Marilah amalkan ramai ramai.<br>Bahasalah menyatukan kita semua.<br>Yakinlah bahasa jiwa bangsa.<br><br>Berdasarkan lirik lagu tersebut, sejauh manakah bahasa kebangsaan mampu menyatukan rakyat Malaysia? [4m]8</td><td>8. Maklumat berikut berkaitan dasar pembangunan ekonomi negara.<br><table><tr><td>Tahun.</td><td>Dasar Pembangunan Ekonomi.</td><td>Matlamat.</td></tr><tr><td>1970-1990</td><td>Dasar Ekonomi Baru.[DEB]</td><td>Mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum.</td></tr><tr><td>1991-2000</td><td>Dasar Pembangunan Nasional (DPN)</td><td>Mencapai perpaduan kaum melalui pengagihan kekayaan.</td></tr></table>a) Jelaskan langkah kerajaan untuk mencapai matlamat DPN [6m]<br>b) Pelaksanaan DEB Dan DPN telah banyak mencapai kejayaan dari segi sosial. Buktikan pernyataan tersebut.[6m]<br>c)<br>“Kadar kemiskinan negara meningkat daripada 5.6 % pada 2019 kepada 8.4 % pada tahun 2020 berikutan pandemik Covid-19”<br>Berdasarkan pernyataan di atas, mengapa berlaku peningkatan kadar kemiskinan dalam kalangan rakyat Malaysia dan cadangkan langkah langkah yang boleh diambil bagi mengatasi masalah tersebut. [8m]</td></tr>
<tr><td>15</td><td>SEL 2<br>SKEMA<br>SEL<br>SET 2</td><td>4. Dasar Kebudayaan Kebangsaan dijelmakan melalui program Citrawarna Malaysia melibatkan pelbagai kaum dan budaya.<br>a) Nyatakan prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan.[2m]<br>b) Apakah matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan. [2m]<br>c) Jelaskan langkah mencapai matlamat di (b) [2m]<br>d) Petikan berikut berkaitan Kongres Kebudayaan Kebangsaan.<br><br>“ Kita mesti menggubal satu identiti bangsa Malaysia dengan mengambil kira semua kaum dan agama. Saya menegaskan bahawa sudah sampai ketikanya bagi kita menentukan identiti atau keperibadiaan kebangsaan sebagai satu bangsa yang mempunyai maruah dan martabat seperti bangsa-bangsa lain yang merdeka dan berdaulat di dunia ini”<br><br>Petikan ucapan Tun Abdul Razak Hussein Ketika merasmikan Kongres Kebudayaan Kebangsaan.<br><br>Huraikan petikan tersebut [4m]</td><td></td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| 16 | SEL 3<br>SKEMA<br>SEL<br>SET 3 | 4. Dasar Pendidikan Kebangsaan dilaksanakan melalui Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 atau dikenali sebagai Penyata Razak 1956 dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran 1957.<br>a) Apakah matlamat pembentukan Dasar Pendidikan Kebangsaan? [2m]<br>b) Terangkan kandungan Laporan Rahman Talib dalam sistem pendidikan kebangsaan.[4m]<br>c) Pendidikan merupakan saluran terbaik bagi merealisasikan matlamat membina perpaduan kaum dan integrasi nasional. Bagaimanakah sistem persekolahan mampu membentuk perpaduan kaum? [4m] | 8<br>a) Berikut adalah isu yang cuba diselesaikan melalui Dasar Pembangunan Nasional (DPN).<br>• Membasmi kemiskinan • Menyusun semula masyarakat<br>Apakah strategi yang digunakan untuk mencapai matlamat tersebut.[4m]<br>b) Pelaksanaan DEB dan DPN telah berjaya memajukan ekonomi. Buktikan penyataan di atas. [8m]<br>c) Pembangunan ekonomi menjamin persekitaran yang seimbang. Jelaskan. [8m] |
| 17 | KULAI 1<br>SKEMA | | 8. Maklumat berikut berkaitan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).<br>"Dasar Pembangunan Nasional (DPN) merupakan usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju berdasarkan Wawasan 2020. Dasar ini juga meneruskan strategi asas Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk memperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi antara kaum."<br>a) Apakah matlamat dan objektif Dasar Pembangunan Nasional (DPN)? [4m]<br>b) Bagaimanakah Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dilaksanakan? [8m]<br>c) Pelaksanaan DEB dan DPN membawa perubahan kepada kemajuan ekonomi dan taraf hidup penduduk. Buktikan. [8m] |
| 18 | KULAI 2<br>SKEMA | | 8 Dasar Pembangunan Nasional (DPN) merupakan usaha untuk memajukan Malaysia berdasarkan Wawasan 2020.<br>a) Jelaskan strategi DPN. [4m]<br>b) Terangkan langkah kerajaan dalam pelaksanaan DPN. [8m]<br>c) Apakah kejayaan pelaksanaan DPN yang boleh kita banggakan pada hari ini? [8m] |
| 19 | KLUAN G 1 | 4. Bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi selepas negara mencapai kemerdekaan.<br>a) Nyatakan **dua** langkah dalam memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.[2m]<br>b) Jelaskan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam meningkatkan martabat Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu. [4m]<br>c) Penggunaan Bahasa Kebangsaan dapat memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat. Jelaskan. [4m] | 8. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) merupakan kesinambungan DEB yang dirangka untuk tempoh 10 tahun.<br>a) Jelaskan matlamat perlaksanaan Dasar Pembangunan Nasional.[4m]<br>b) Huraikan langkah - langkah kerajaan dalam melaksanakan strategi DPN?[8m]<br>c) Baca maklumat dalam petikan berikut.<br>Golongan belia diberi latihan di agensi kerajaan seperti Pusat Latihan Kemahiran Giatmara dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) bagi membolehkan mereka mendapatkan kerja yang berkaitan dengan kemahiran |

<table>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td></td>
<td>dan berpendapatan tinggi.<br><br>Bagaimanakah belia berperanan meningkatkan kemajuan negara ?[8m]</td>
</tr>
<tr>
<td>20</td>
<td>KELUANG 2</td>
<td>4. Petikan berikut berkaitan peruntukan dalam Akta Bahasa Kebangsaan (Akta 32).<br><br><table><tr><th>Bahasa kebangsaan digunakan bagi maksud rasmi</th><th>Bahasa mahkamah</th></tr><tr><td>2. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini dan tertakluk kepada perlindungan-perlindungan yang terkandung dalam Perkara 152(1) Perlembagaan berhubung dengan mana-mana bahasa lain dan bahasa mana-mana kaum lain di Malaysia bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi.</td><td>8. Segala prosiding (selain pemberian keterangan oleh seseorang saksi) dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah hendaklah dalam bahasa kebangsaan.</td></tr></table><br>a) Nyatakan kedudukan Bahasa Melayu berdasarkan akta tersebut.[2m]<br>b) Mengapakah penguasaan Bahasa Melayu penting dalam kalangan masyarakat kita? [4m]<br>c) Penggunaan Bahasa Melayu masih kurang diyakini dalam kalangan segelintir masyarakat kita. Berikan pendapat anda. [4m]</td>
<td>8. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) merupakan kesinambungan DEB yang dirangka untuk tempoh 10 tahun.<br>a) Jelaskan matlamat pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) [4m]<br>b) Bagaimanakah pelaksanaan DPN mampu membasmi kemiskinan tegar dalam kalangan rakyat ? [8m]<br>c) Maklumat berikut berkaitan dengan penggubalan dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia.<br><br>Pemulihan ekonomi pasca Covid-19 dijangka mengambil masa yang lama dan sedikit sebanyak ia akan mempengaruhi pelan ekonomi Rancangan Malaysia ke-12 (RM ke-12).<br>Profesor kanan Fakulti Perniagaan dan Ekonomi (UPM), Prof. Madya Dr Mohd Yusof Saari berkata, selepas berhadapan dengan krisis kesihatan yang memberi kesan ekonomi paling teruk dalam sejarah, pemulihannya makan masa yang antara 2 -3 tahun. Ini kerana struktur ekonomi sedia ada perlu dibangunkan dan diperkemaskan semula.<br>Sebahagian sektor ekonomi terjejas teruk dan mengambil masa yang lama dipulihkan ialah sektor pelancongan. Covid 19 dijangka akan pulih sepenuhnya di awal 2020, bergantung juga kepada keyakinan pelancong.<br>Sektor pelancongan adalah salah satu penyumbang utama pertumbuhan ekonomi sektor pertanian, pembuatan makanan dan perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman.<br><br>Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan terhadap negara sekiranya isu tersebut tidak diatasi ? [8m]</td>
</tr>
<tr>
<td>21</td>
<td>PAHANG SKEMA</td>
<td></td>
<td>8. DPN penting untuk memperkukuhkan kestabilan politik dan pembangunan ekonomi yang berterusan.<br>a) Jelaskan objektif dasar tersebut.[4m]<br>b) Bagaimanakah DPN dilaksanakan?[8m]<br>c) Gambar berikut menunjukkan pencapaian DEB Dan DPN<br>.</td>
</tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | <br><br>Berdasarkan gambar tersebut, apakah pencapaian DEB dan DPN yang dapat dinikmati oleh rakyat? [8m] |

| | TAJUK 15 | | |
|---|---|---|---|
| | NEGERI | T5B9 | T5B10 |
| 1 | TERENG GANU<br><br>SKEMA | 9. Malaysia adalah sebuah negara yang aktif di persada dunia dengan keanggotaan di dalam organisasi serantau dan antarabangsa seperti ASEAN, NAM dan OIC.<br>a) Jelaskan sumbangan Malaysia dalam organisasi berikut<br>i) ASEAN [4m]<br>ii) NAM [4m]<br>iii) OIC [4m]<br>b)<br>Malaysia perlu memanfaatkan hubungan baik dengan negara luar, dan tidak menjadi 'katak di bawah tempurung' serta enggan bekerjasama dengan negara lain.<br>Berikan pandangan anda terhadap pernyataan tersebut. [8m] | |
| 2 | SABAH<br><br>SKEMA | | 9. Malaysia mengamalkan ekonomi pasaran bebas selari dengan perkembangan yang berlaku dalam ekonomi antarabangsa.<br>a) Terangkan bagaimana Malaysia menghadapi kemelesetan ekonomi yang bermula dengan kejatuhan nilai ringgit pada tahun 1997. [6m]<br>b) Malaysia memainkan peranan besar dalam hubungan ekonomi antarabangsa. Jelaskan. [6m]<br>c) Baca maklumat berikut.<br>*KUALA LUMPUR: Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) hari ini mengesahkan komitmen untuk mempergiat kerjasama bagi mengukuhkan hubungan ekonomi dua hala, serta di peringkat pelbagai hala dan serantau, kata Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).*<br>*Dalam satu kenyataan hari ini, ia berkata komitmen itu dizahirkan semasa pertemuan di antara Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan rakan sejawatannya dari AS, Duta Katherine Tai, selaku Wakil Perdagangan AS di Menara Miti Kuala Lumpur. Kementerian itu berkata sebagai juara dalam sistem perdagangan pelbagai hala, Malaysia dan AS berkongsi rekod prestasi yang kukuh bagi hasil progresif dalam pelbagai forum antarabangsa.*<br>*Menyedari keperluan untuk mengukuhkan integrasi ekonomi* |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | *serantau, Tengku Zafrul memuji peranan AS dalam merintis Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik bagi Kemakmuran (IPEF), sebuah pakatan perdagangan serantau dengan 14 ahli yang membincangkan kemudahan perdagangan; ketahanan rantaian bekalan; tenaga bersih, penyahkarbonan dan perubahan iklim; serta cukai dan rasuah.*<br>*"Tai berkongsi bahawa AS membayangkan keputusan oleh IPEF adalah pragmatik dan berpandangan ke hadapan kerana ia bukanlah perjanjian perdagangan konvensional. "Sambil mengulangi kenyataan Tai, Tengku Zafrul menambah adalah penting bagi IPEF untuk menggariskan hasil yang ketara ke arah mencapai objektif perdagangan dan pelaburan bersama di rantau Indo-Pasifik," kata kementerian itu.*<br>*Menurut Miti, Tengku Zafrul dan Tai bersetuju bahawa pematuhan terhadap prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam perniagaan adalah cara utama untuk ke hadapan*<br>Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan berikan komen anda. [8m]. |
| 3 | PERLIS<br>SKEMA | 4.<br><br>Dasar luar dapat didefinisikan sebagai matlamat, rancangan dan tindakan yang dijalankan oleh sesebuah negara dalam usaha untuk berhubung dengan sesebuah negara yang lain,<br><br>a) Berikan dua pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia. [2m]<br>b) Mengapakah Malaysia perlu menjalinkan hubungan baik dengan negara luar? [4m]<br>c) Apakah cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam menjayakan dasar luar negara? Jelaskan. [4m] | 9. Gambar berikut berkaitan isu alam sekitar yang telah menyebabkan penurunan taraf kesihatan dan keselamatan penduduk di Malaysia dan Asia Tenggara.<br><br>Pencemaran alam sekitar<br>a) Jelaskan langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia bersama-sama negara Asia Tenggara yang lain untuk mengatasi isu tersebut. (6m)<br>b) Mengapakah alam sekitar menjadi elemen penting dalam kehidupan manusia di seluruh dunia? Beri alasan anda. [6m]<br>c) Baca maklumat dalam petikan berikut. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | Tidak ada bahagian bumi tidak tersentuh kesan aktiviti manusia atau pencemaran. Semakin meningkat populasi manusia dan peningkatan penggunaan per kapita, memberi kekangan besar terhadap sumber semula jadi. Peningkatan kawasan urbanisasi, perindustrian baharu dan amalan pertanian moden mencemarkan sumber air, udara dan tanah seluruh dunia. Sumber semula jadi tidak hanya dieksploitasi berlebihan, tetapi dicemari bahan kimia beracun sehingga dikhuatiri menyukarkan kelangsungan hidup generasi akan datang.Laporan World Cities Report 2020 oleh Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN HABITAT) menjelaskan pembangunan bandar terancang dapat menghasilkan nilai persekitaran sangat besar.Kecekapan sumber lebih besar bermaksud penggunaan kepada sumber tenaga lebih sedikit. Dicadangkan supaya dapat mengelak penggunaan tanah yang luas secara tidak terancang demi melindungi kawasan semula jadi dan pertanian untuk kelangsungan kehidupan masa hadapan.<br><br>Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesannya terhadap negara jika pencemaran alam sekitar terus berlaku. [8m] |
| 4 | K2<br>KOTA TINGGI<br><br>SKEMA K2 | | 9.<br>AMAN PALESTIN \| MyCARE Humanitarian Care Malaysia \| mercy MALAYSIA<br>a) Apakah isu kemanusiaan dan keamanan dunia yang diperjuangkan oleh pertubuhan tersebut? [4m]<br>b) Huraikan keprihatinan rakyat Malaysia memperjuangkan isu di 9 a) melalui pertubuhan di atas.[8m]<br>c) Kebelakangan ini berlaku kenaikan harga barangan secara drastik sehingga mencapai tahap merisaukan rakyat. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | PETALING JAYA: Harga barangan pengguna dijangka meningkat sehingga 20 peratus menjelang Oktober tahun ini dengan didorong dua faktor utama iaitu inflasi import dan peningkatan kos operasi perniagaan di Malaysia.<br><br>Bercakap kepada Utusan Malaysia, Presiden Dewan Perniagaan dan Industri India Kuala Lumpur dan Selangor (KLSICCI), Nivas Ragavan berkata, pihaknya mengesan peningkatan 20 peratus kos pengeluaran dan operasi dalam kalangan ahli KLSICCI sejak Januari lalu.<br><br>Katanya, peningkatan kos itu ekoran kemerosotan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) sehingga mendorong berlaku inflasi import pada kadar tinggi.<br><br>"Sejak Januari sehingga Julai tahun ini, kejatuhan ringgit bermula pada kadar RM4.20 berbanding dolar AS dan sekarang RM4.60 berbanding dolar. Peningkatan sebanyak 10 peratus berlaku terhadap kemerosotan ringgit berbanding dolar AS.<br><br>"Sudah pasti ia meningkatkan kos pengeluaran. Sepanjang rantaian bekalan sudah menyaksikan peningkatan kos dan akhirnya, kesan ini akan mengakibatkan produk pengguna di rantaian terakhir bekalan turut meningkat. Maka, pengguna akan menghadapi kesan inflasi import apabila harga barangan naik," katanya di sini, semalam.<br><br>Untuk rekod, Oxford Reference mentakrifkan inflasi import sebagai inflasi akibat kenaikan harga import. Menurut laman web itu, kenaikan harga produk akhir yang diimport secara langsung mempengaruhi sebarang ukuran inflasi berasaskan perbelanjaan.<br><br>Bincangkan kesan kenaikan harga barangan terhadap rakyat dan negara. [8m] |
| 5 | PERAK SKEMA | | 9. Non-Govermental Organization (Pertubuhan Bukan Kerajaan)<br><br>Kejadian Tsunami 2004 telah menarik perhatian Malaysia untuk sama-sama membantu. Terdapat NGO yang tampil ke hadapan untuk memberi bantuan.<br>a) Terangkan peranan NGO berikut dalam misi kemanusiaan di Aceh dan Sri Lanka.<br>(i) Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) [4 m]<br>(ii) Yayasan Restu [4 m]<br>(iii)MERCY Malaysia [4 m]<br>b) Pada pendapat anda, apakah faedah yang diperolehi oleh Malaysia dengan penglibatan agensi di atas dalam memberi bantuan kepada sesebuah negara? [8m] |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6 | KELANTAN SKEMA | | 9. Malaysia memainkan peranan penting dalam isu kemanusiaan dan keamanan pada peringkat antarabangsa dan serantau.<br>a) Terangkan pelibatan Malaysia dalam menangani isu Palestin.[4m]<br>b) Mengapakah krisis kemanusiaan dan keamanan masih berterusan sehingga ke hari ini.[8m]<br>c) Baca petikan berikut<br><br>Pertubuhan Kebudayaan Palestin Malaysia (PCOM) ingin berterima kasih terhadap tindakan tegas Parlimen Malaysia menggesa penyingkiran Israel daripada keahlian Petubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan membantah rancangan Israel menceroboh wilayah.<br><br>Tindakan tegas ini mencerminkan prinsip mulia yang diperjuangkan Malaysia dan membuktikan penyatuan kukuh kepimpinan dalam kalangan ahli Parlimen Malaysia tanpa mengira latar belakang parti politik sama ada kerajaan atau pun pembangkang.<br><br>Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut.[8m] |
| 7 | KEDAH SKEMA | 9. Malaysia adalah sebuah negara yang aktif di persada dunia dengan keanggotaan di dalam organisasi antarabangsa seperti Komanwel dan NAM<br>a) Mengapakah Malaysia terlibat dalam pertubuhan tersebut?[6m}<br>b) Terangkan manfaat yang diperoleh Malaysia melalui pertubuhan di atas. [6m]<br>c) Baca maklumat berikut<br><br>Kepemimpinan merujuk kepada kemampuan mengambil peranan mempengaruhi orang lain ke arah kebaikan. Seorang pemimpin perlu mempunyai personaliti yang mampu mempengaruhi orang lain serta bersedia ditegur atau dikritik oleh orang lain<br>Selain itu, pemimpin yang baik mempunyai daya fikiran jauh ke hadapan atau berwawasan. Mereka akan sentiasa dipandang oleh masyarakat sekeliling sebagai seorang yang mempunyai nilai dan diyakini.<br>Pemimpin yang mempunyai wawasan jelas memiliki kemampuan berfikir dalam pelbagai pendekatan. Mereka memimpin orang lain dengan nilai kasih sayang, teladan serta mempunyai nilai integriti dalam diri. Mereka juga memiliki daya kekuatan hingga mampu menggerakkan orang lain serta mempunyai daya tahan fizikal dan mental<br><br>Jelaskan ciri-ciri kepimpinan yang wajar dimiliki sekiranya anda dilantik mengetuai pertubuhan dunia.[8m] | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 8 | N9<br>skema | | 9<br>a) Bagaimanakah perkara berikut dapat memastikan Malaysia mengekalkan kelestarian global?<br>i) Mengisytiharkan Deklarasi Langkawi. [4m]<br>ii) Menyertai Sidang Kemuncak Bumi .[4m]<br>iii) Membangkitkan isu Antartika sebagai Warisan Sejagat[4m]<br>b) Teliti poster berikut<br><br><br>Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.[8m] |
| 9 | SBP<br>SKEMA | 9. Matlamat dasar luar yang ingin dicapai oleh Malaysia ialah untuk mengekalkan kedaulatan negara. Namun begitu, pelbagai cabaran terpaksa dihadapi oleh Malaysia untuk mengukuhkan dasar luarnya.<br>a) Pada pendapat anda apakah cabaran tersebut?[4m]<br>b) Terangkan penglibatan Malaysia dalam pertubuhan berikut.<br>i) Pergerakan Negara Negara Tanpa Pihak (NAM).[4m]<br>ii) Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).[4m].<br>c) Baca maklumat dalam petikan berikut.<br><br>Kuala Lumpur- Malaysia menyokong pendirian secara bersama Pertubuhan Kerjasama Islam ( OIC) Berhubung perkembangan di Afghanistan seperti yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Tergempar Jawatankuasa Eksekutif OIC Dia 22 Ogos lepas di Jeddah.<br>Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Kamarudin Jaafar berkata, OIC telah menetapkan pendirian iaitu mengukuhkan komitmen dan sokongan terhadap Afghanistan seperti yang dinyatakan dalam resolusi resolusi Yang diterima pakai pada Sidang Kemuncak OIC dan Mesyuarat Menteri -Menteri Luar OIC. | 4. Maklumat berikut berkaitan dengan bantuan NGO Malaysia di Palestin dan Syria<br><br>Objektif misi bantuan Syria Palestin<br>- Memberikan bantuan makanan kepada golongan pelarian Syria dan Palestin dengan meringankan beban mangsa perang<br>- Mengurangkan masalah kelaparan dalam kalangan pelarian Syria dan Palestin<br>- Mengenal pasti bentuk bantuan jangka masa panjang yang boleh diberikan kepada pelarian Syria dan Palestin<br><br>a) Senaraikan dua NGO tersebut.[2m]<br>b) Jelaskan bantuan diberi oleh NGO Malaysia di negara tersebut?[4m]<br>c) Bagaimanakah isu kemanusiaan dan keamanan boleh diatasi oleh masyarakat antarabangsa?[4m] |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Beliau berkata, antaranya mengetengahkan harapan masyarakat antarabangsa bagi kepimpinan baharu di Afghanistan mempromosikan perdamaian nasional dan Pematuhan undang undang antarabangsadDan resolusi serta Piiagam Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB).<br>Kamarudin berkata, secara keseluruhannya, Negara Negara OIC bersetuju untuk memberi sokongan penuh terhadap penyelesaian di Afghanistan dalam mencapai perdamaian serta komprehensif dan berkekalan.<br>OIC juga sedang memberi tumpuan kepada penyaluran bantuan kemanusiaan kepada rakyat Afghanistan dan pada masa yang sama melihat kepada isu kemanusiaan yang semakin meruncing, kerajaan bersetuju untuk menghulurkan bantuan kewangan sebanyak USD 1000, 000 kepada Afganistan.<br>Perkara ini telah dimaklumkan semasa Mesyuarat Peringkat Tinggi PBB Yang dipengerusikan oleh Setiausaha Agung PBB secara maya berhubung situasi kemanusiaan di Afghanistan pada 13 September, 2021", katanya.<br>Huraikan maklumat dalam petikan dan beri komen anda mengenai isu yang disentuh dalam petikan? [ 8m] | |
| 10 | MELAKA<br>SKEMA | | 9. Kelantangan Malaysia menyuarakan ketidakadilan dalam ekonomi dan bertindak tegas bagi memastikan ekonomi negara tidak terjejas, wajar dijadikan pengajaran<br>a) Jelaskan peranan Malaysia dalam hubungan ekonomi antarabangsa berikut:<br>i) Meluaskan Pasaran Ekonomi [3m]<br>ii) Kerjasama Pembangunan Ekonomi Segi Tiga [3m]<br>b) Berdasarkan buku yang diberikan di bawah:<br><br><br>Buku tentang krisis kewangan Malaysia<br>Terangkan kesan krisis ekonomi yang melanda kebanyakan negara Asia termasuk negara kita.[6m] |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | c) Teliti laporan berita di bawah<br><br>**KUALA LUMPUR**: Ekonomi Malaysia mampu berdaya tahan dan menganjak pertumbuhan di sebalik cabaran pasaran global. Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kadar inflasi menurun daripada 2.8 peratus pada Mei 2023 kepada 2.4 peratus pada Jun 2023.<br>pengangguran juga berjaya mencatat kadar terendah pasca pandemik sebanyak 3.4 peratus pada Jun lalu berbanding 3.5 peratus bulan sebelumnya.<br>Langkah-langkah untuk menstruktur semula ekonomi Malaysia serta menjamin pembangunan inklusif untuk rakyat. Beliau berkata, aspek tumpuan termasuklah menambah baik proses untuk mengendalikan perniagaan, membawa pelaburan-pelaburan berkualiti untuk menjana pekerjaan bergaji lebih tinggi, memastikan tatakelola baik, dan memperkukuh perkhidmatan awam yang berkualiti serta prasarana yang lebih baik bagi mempertingkatkan mutu hidup rakyat.<br><br>Huraikan mesej yang terkandung dalam berita tersebut dan cadangan mengatasi masalah ekonomi semasa.[8m] |
| 11 | P.PINANG<br>SKEMA | 9. Jadual berikut menunjukkan penglibatan Malaysia dalam pertubuhan serantau.<br>**1961-ASA**<br>**1963-MAPHILINDO**<br>**1967-ASEAN**<br>a) Jelaskan latarbelakang kewujudan pertubuhan tersebut.[4m]<br>b) Terangkan pelibatan Malaysia dalam ASEAN untuk kemajuan dan kemakmuran bersama [8m]<br>c) Suara Malaysia dalam kalangan negara anggota ASEAN terus dihormati dan menjadi contoh kepada negara-negara lain dalam menangani isu-isu global. Beri ulasan anda. [8m] | |
| 12 | PUTRAJA<br>YA<br>SKEMA | | 9. Malaysia berada di barisan hadapan dalam membangkitkan isu kemanusiaan dan keamanan .<br>a) Bagaimanakah rakyat Malaysia terlibat dalam misi kemanusiaan berkaitan isu yang berikut.<br>i) Isu Palestin [ 4m ]<br>ii) Isu Syria [ 4m ]<br>iii) Tsunami di Aceh dan Sri Lanka [ 4m ]<br>b) Gambar berikut berkaitan dengan isu perjuangan di Palestin. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | <br>Rasionalkan tindakan Malaysia membantu rakyat Palestin sejak zaman Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sehingga hari ini. Berikan pendapat anda. [8m] |
| 13 | BINTULU<br><br>SKEMA | | 9. Poster berikut berkaitan dengan Non-Government Organization – NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan) Malaysia yang aktif dalam bidang kesukarelawan.<br><br>Aman Palestin<br>aid for freedom<br><br>a) Apakah isu Palestin yang giat diperjuangkan oleh NGO Malaysia? [6m]<br>b) Jelaskan bantuan kemanusiaan yang diberikan oleh NGO dalam isu Palestin. [6m]<br>c) Pernyataan di bawah berkaitan dengan pendirian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkaitan isu Palestin.<br><br>JAKARTA: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, hari ini, berkata hak asasi rakyat Palestin perlu dihormati dan menggesa semua negara supaya mengambil pendirian yang sama ketika membantah serangan Rusia ke atas Ukraine.<br>".. kita suarakan dengan tegas, hormat hak rakyat Palestin, hormat nilai kemanusiaan, hormat hak asasi," katanya kepada media |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | selepas menghadiri majlis penutup sidang kemuncak itu.<br>Perdana Menteri juga berkata, Turki mencadangkan agar Malaysia dan republik itu mengadakan pertemuan di New York bagi menangani isu perkauman dan Islamofobia.<br>"Presiden (Recep) Tayyip Erdogan meminta saya bersama-sama membantu menganjurkan satu pertemuan dalam waktu yang lebih kurang sama di New York untuk menentang sikap pelampau perkauman dan sentimen antiagama atau Islamofobia.<br>"... Presiden Erdogan sudah setuju dengan saya untuk menganjur pertemuan ini dan kalau boleh, kita perluaskan kepada negara-negara Islam dan negara lain<br><br>Jelaskan mesej daripada petikan di atas, dan kepentingan menghormati hak asasi negara lain.[8m] |
| 14 | SEL 1 SKEMA SEL SET 1 | | 9. Malaysia menunjukkan komitmen yang tinggi dalam misi kemanusiaan bagi membantu golongan yang tidak bernasib baik akibat bencana alam dan peperangan.<br>a) Bagaimanakah Pertubuhan Bukan Kerajaan ( NGO ) membantu negara berikut.<br>i) Palestin.<br>ii) Syria<br>iii) Aceh<br>b) Petikan berikut merujuk kepada isu pelarian di Malaysia.<br><br>Kuala Lumpur: Malaysia dibimbangi menjadi tempat lambakan pelarian apabila data terbaharu menunjukkan terdapat 182 000 pelarian dan pemohon suaka dari 50 negara dengan tertinggi adalah etnik Rohingya dari Myanmar.<br><br>Ini berdasarkan sehingga Mac lalu, pelarian dari Myanmar mencatatkan jumlah tertinggi yang berdaftar dengan Suruhanjaya tinggi Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu bagi pelarian (UNCHR) Malaysia iaitu 156 110 orang<br><br>Beberapa pakar sosial berpandangan lambakan pelarian berkenaan jika tidak ditangani segera boleh menimbulkan konflik yang teruk kepada negara terutama kesan ditanggung oleh kerajaan dari sudut kesihatan dan kewangan.<br><br>Jurucakap UNHCR Malaysia Yante Ismail berkata, daripada 156 110 pelarian dan pemohon suaka Myanmar, seramai 103 810 terdiri |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | daripada etnik Rohingya, 22700 China dan 29 600 individu dari kumpulan etnik lain<br><br>“ Pelarian dan pemohon suaka yang berdaftar dengan UNHCR Malaysia adalah meliputi 50 negara yang melarikan diri dari peperangan dan penindasan di negara asal mereka.<br>Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan pada negara sekiranya tidak diatasi. [8m] |
| 15 | SEL 2<br>SKEMA<br>SEL SET 2 | 9. Malaysia mengukuhkan hubungan diplomatik melalui dasar luar dan pertubuhan antarabangsa yang dianggotai.<br>a) Jelaskan pelibatan Malaysia dalam Komanwel. [4m]<br>b) Terangkan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia untuk mengukuhkan dasar luar dan langkah yang diambil bagi menghadapi cabaran tersebut. [8m]<br>c) Baca pernyataan di bawah dengan teliti.<br>d)<br>Hubungan baik antara Malaysia dengan negara serantau mampu membangunkan negara. Sikap prihatin negara kita terhadap isu yang berlaku pada peringkat serantau dan antarabangsa membuka mata negara lain untuk menghulurkan bantuan. Pelibatan ini menonjolkan kewibawaan negara pada peringkat dunia selain lantang menyuarakan pandangan dalam pelbagai isu<br>Jelaskan mesej yang terkandung dalam penyataan di atas. [8m] | |
| 16 | SEL 3<br>SKEMA<br>SEL SET 3 | 9. Setelah mencapai kemerdekaan, Malaysia telah menganggotai pelbagai pertubuhan antarabangsa seperti Non-Aligned Movement (NAM) atau Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak dan Organisation of Islamic Cooperation (OIC) atau Pertubuhan Kerjasama Islam.<br>a) Jelaskan peranan Malaysia dalam NAM. [6m]<br>b) Malaysia terlibat secara aktif dalam OIC. Buktikan pernyataan tersebut. [6m]<br>“KUALA LUMPUR – Malaysia akan terus mengamalkan dasar berkecuali terhadap perseteruan yang sedang berlangsung antara kuasa-kuasa besar.”<br>c) Apakah manfaat yang diperoleh Malaysia dengan mengamalkan dasar tersebut? Beri penjelasan anda. [8m] | |
| 17 | KULAI 1<br>SKEMA | | 9. Malaysia aktif dalam aktiviti kemanusiaan dan kelestarian global sehingga ke peringkat antarabangsa.<br>a) Jelaskan pelibatan rakyat Malaysia dalam menangani isu Palestin. [6m] |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | b) Bincangkan komitmen Malaysia dalam ASEAN untuk menyelesaikan isu alam sekitar serantau. [6m]<br>c) Poster berikut berkaitan dengan Kempen Kesedaran 3R di Malaysia.<br><br><br>Sebagai generasi muda dalam komuniti ASEAN, cadangkan usaha anda untuk mengekalkan kelestarian alam sekitar dalam warga ASEAN. [8m] |
| 18 | KULAI 2<br>SKEMA | | 9 Malaysia berada di barisan hadapan dalam membangkitkan isu kemanusiaan dan keamanan di Palestin dan Syria. Malaysia sering menyuarakan pandangan dalam pertubuhan antarabangsa dan serantau seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Komanwel, OIC dan ASEAN.<br>a) Huraikan peranan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat dengan misi kemanusiaan berkaitan isu berikut:<br>i. Isu Palestin [4m] |

<table>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td></td>
<td>
ii. Isu Syria [4m]<br>
b) Pembanjiran pelarian dan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke negara kita menimbulkan isu ketenteraman dan keselamatan awam. Jelaskan langkah-langkah Malaysia mengatasi masalah tersebut? [4m]<br>
c) Teliti poster berikut.<br>

<br>
Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut. [8m]
</td>
</tr>
<tr>
<td>19</td>
<td>KLUANG 1</td>
<td></td>
<td>
9. Gambar berikut berkaitan dengan kesan tsunami di Acheh dan Sri Lanka pada tahun 2004.<br>

<br>
a) Jelaskan sumbangan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)
</td>
</tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | Malaysia yang terlibat dalam misi kemanusiaan tsunami di Acheh dan Sri Lanka.[6m]<br>b) Negara kita merangka pelbagai usaha bagi memastikan generasi akan datang turut menikmati kehidupan yang lebih baik. Terangkan wawasan Malaysia menuju masa hadapan dari segi:<br>i) Komuniti Asean.[3m]<br>ii) Alam Sekitar [3m]<br>c) Petikan berikut berkaitan dengan pendatang tanpa izin (PATI)<br><br>Ancaman keselamatan dan jenayah yang dibawa oleh pendatang tanpa izin (PATI) tidak boleh dipandang mudah kerana setiap daripada mereka mampu memberi risiko kepada rakyat di negara ini. Sekadar membayangkan jika ada antara PATI ini terbabit dengan aktiviti tidak sihat di negara asal atau menjadi buruan pihak berkuasa di pelbagai negara dan bolos ke negara ini secara tidak sah kerana tidak perlu melalui 'tapisan' di pintu sempadan. Paling dikuatiri apabila mereka bebas bergerak di dalam negara di dalam pelbagai sektor pekerjaan, membina penempatan dan komuniti sendiri, terlibat dalam kegiatan jenayah.<br><br>Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan dan berikan ulasan anda. [8m] |
| 20 | KELUANG 2 | | 9. Gambar berikut berkaitan tentang isu Palestin yang merupakan antara isu yang menonjolkan pelibatan rakyat Malaysia dalam Pertubuhan antarabangsa.<br><br><br>a) Jelaskan usaha rakyat Malaysia dalam menangani isu |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | tersebut.[4m]<br>b) Petikan berikut berkaitan dengan pendatang tanpa izin (PATI)<br><br>Ancaman keselamatan dan jenayah yang dibawa oleh pendatang tanpa izin (PATI) tidak boleh dipandang mudah kerana setiap daripada mereka mampu memberi risiko kepada rakyat di negara ini. Sekadar membayangkan jika ada anatara PATI ini terbabit dengan aktiviti tidak sihat di negara asal atau menjadi buruan pihak berkuasa di pelbagai negara dan bolos ke negara ini secara tidak sah kerana tidak perlu melalui 'tapisan' di pintu sempadan. Paling dikuatiri apabila mereka bebas bergerak di dalam negara di dalam pelbagai sektor pekerjaan, membina penempatan dan komuniti sendiri, terlibat dalam kegiatan jenayah.<br><br>Bagaimanakah isu tersebut menjadi ancaman keselamatan negara pada masa hadapan? Berikan ulasan anda.[8m]<br>c) Sebagai pemimpin, berikan cadangan anda untuk membendung isu PATI ini.[8m] |
| 21 | PAHANG<br>SKEMA | | 9. Malaysia merupakan barisan hadapan dalam membangkitkan ISU kemanusiaan dan keamanan.<br>a) Apakah tujuan rakyat Malaysia terlibat dalam isu kemanusiaan dan keamanan?[3m]<br>b) Jelaskan penglibatan kerajaan dan rakyat dalam isu kemanusiaan dan keamanan seperti berikut.<br>i) IsuPalestin.<br>ii) Isu Syria<br>iii) Tsunami di Acheh dan Sri Lanka<br>c) Cadangkan langkah langkah yang perlu dilakukan untuk menggalakkan rakyat Malaysia terlibat dalam misi kemanusiaan dan keamanan.[8m] |